

Headline	Raja Di Hilir Perak dahului penerima Darjah Kebesaran daripada		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	3
ArticleSize	318 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,029		



Raja Di-Hilir Perak dahului penerima Darjah Kebesaran daripada Agong

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Raja Di-Hilir Perak Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris A'fifullah Shah mendahului senarai 276 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat Persekutuan 2016 dalam istiadat yang berlangsung di Istana Negara hari ini.

Raja Iskandar Dzulkarnain menerima darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran 'Tan Sri' daripada Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sempena ulang tahun keputeraan rasmi Yang di-Per-tuan Agong yang disambut 4 Jun lepas.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah turut berangkat ke istiadat pengurniaan itu.

Turut dikurniakan darjah PSM ialah Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Tuanku Abdul Halim dan wartawan veteran yang juga bekas Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Tan Sri Abdul Rahman Sulaiman.

Dalam istiadat itu, Tuanku Abdul Halim turut mengurniakan Darjah

Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk kepada Ketua Pegawai Kewangan Tenaga Nasional Berhad, Datuk Fazlur-Rahman Zainuddin; Ketua Kumpulan UEM Group Berhad, Datuk Nik Airina Nik Jaffar dan Pengarah Bukan Eksekutif Sunway Construction Group, Datuk Kwan Foh Kwai.

Penerima PJN lain ialah Timbalan Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Kuala Lumpur, Datuk M Chareon Sae Tang @ Tang Whye Aun; Pengerusi Malaysia Shipowner Association, Datuk Ir. Nordin Mat Yusoff dan Pengerusi Hasil Jaya Agriculture, Datuk Wee Chong Yan.

Sementara itu, enam individu dikurniakan Johan Mangku Negara (JMN), Johan Setia Mahkota (JSM) (tujuh orang) dan Kesatria Mangku Negara (KMN) (39 orang).

Seramai 88 orang dikurniakan Ahli Mangku Negara (AMN) dan 127 orang menerima Pingat Pangkuan Negara (PPN). - BERNAMA



TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH berkenan mengurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri kepada Tan Sri Abdul Rahman Sulaiman dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Headline	Raja Di Hilir Perak dahului penerima Darjah Kebesaran daripada		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	3
ArticleSize	318 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,029		



TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH berkenan mengurniakan Darjah Panglima Jasa Negara yang membawa gelaran Datuk kepada Datuk Fazlur-Rahman Zainuddin dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA